



## KENYATAAN MEDIA

### **TERNAKAN IKAN DALAM SANGKAR LADANG SINERGI, TASIK TEMENGGOR REVOLUSI INDUSTRI PERIKANAN BERIMPAK TINGGI**

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah membangunkan suatu inisiatif dikenali sebagai **Program Ladang Sinergi** ternakan ikan dalam sangkar menggunakan sistem ternakan moden iaitu **HDPE polar circle cages**.
2. Syarikat peneraju melatih peserta-peserta Ladang Sinergi BAGI mengoperasikan sangkar-sangkar mengikut SOP yang ditetapkan. Hasil ternakan peserta akan dibeli-balik (*Buy-back Scheme*) oleh syarikat dengan harga yang dipersetujui. Terkini seramai 6 orang peserta **Synergy Farming (SF)** yang aktif menjalankan aktiviti ternakan ikan sangkar dan mampu meraih **pendapatan sebanyak RM3,000 sebulan**.
3. Terdapat **5 modul** yang telah dibangunkan, dan setiap modul mempunyai 20 unit bilangan sangkar berdiameter 20 meter yang mempunyai kapasiti pengeluaran sehingga 50 tan metrik setiap sangkar. Spesis yang ditenak adalah tilapia GIFT (*genetically Improved Farmed Tilapia*) - *Genomar Supreme Tilapia (GST)* yang mempunyai model *traceable* tilapia melalui teknologi DNA marker.
4. Sebanyak **3,800 tan metrik tilapia bernilai RM14.72** juta telah dihasilkan dari program ini yang bermula pada 2011 yang lalu. **Dan pada hari ini sebanyak 43 tan metrik bernilai RM193,500 telah dituai dari sebuah sangkar!**
5. Hasil ternakan ini diproses untuk dijadikan produk '*fillet*' untuk pasaran **eksport ke luar negara** seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah serta negara-negara Asia seperti Singapura dan Taiwan. Selain itu, sebanyak **20% hasil ikan ini juga dipasarkan di pasaran tempatan** dalam bentuk ikan hidup, sejukbeku dan fillet.

6. Selaras dengan Revolusi Industri 4.0, projek ini juga mengaplikasikan teknologi automasi termasuk **Internet of Things (IoT)** dengan menggunakan **CCTV dan WiFi** untuk memantau aktiviti di sangkar. Sangkar juga mempunyai *paddle wheel* disokong dengan sistem solar dan alat memantau kualiti air secara automatik yang mempunyai *sensor* bagi bacaan oksigen terlarut (dissolved oxygen)
7. Matlamat program ini adalah untuk mewujudkan usahawan yang berdaya saing di dalam bidang perikanan khususnya akuakultur melalui pemindahan teknologi yang terkini dan moden kepada peserta, di samping menghasilkan produk perikanan yang berkualiti melalui pengamalan **Good Aquaculture Practices (GAP)**.
8. Hasrat Jabatan melalui program ini adalah untuk menyumbang kepada pengeluaran akuakultur negara dan juga peningkatan pendapatan peserta Ladang Sinergi yang terlibat secara langsung di dalam projek ini.

**####**

**Unit Komunikasi Korporat**

Jabatan Perikanan Malaysia

**14 April 2019 (Ahad)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen) : 013-631 7313 (Mohd Sharir)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)